

REVIEW of Operations

Tinjauan Operasi

The major business activities during the year were:

- construction
- expressway tolling and management
- property development; and
- manufacturing, quarrying and plant hire

Aktiviti perniagaan utamanya pada tahun ini meliputi:

- pembinaan
- kutipan tol dan pengurusan lebuhraya
- pembangunan hartanah; dan
- perkilangan, kuari dan penyewaan loji



Lebuhraya SPRINT, Kiara Interchange
Persimpangan bertingkat Kiara, Lebuhraya SPRINT



SPRINT's Jalan Bukit Kiara fully landscaped
Lebuhraya SPRINT telah dilanskap sepenuhnya



One of 5 pedestrian bridges on Damansara Link
Salah satu daripada 5 jejantas di jalan penghubung Damansara



Diversion tunnel at SSP3 damsite
Terowong lencongan di tapak empangan SSP3



SPLASH 'Back to School' programme for Orang Asli children
Program 'Kembali Ke Sekolah' untuk anak-anak Orang Asli anjuran SPLASH

Construction

This sector is the major contributor to the Group's earnings at 53%, with main earnings coming from the construction of Lebuhraya SPRINT and the start of construction of the Sungai Selangor Water Supply Scheme Phase 3 (SSP3).

Lebuhraya SPRINT

The third privatised expressway project for the Group, construction on Lebuhraya SPRINT, which started in December 1998, is progressing ahead of schedule. A 26-kilometre, 6-lane highway designed to provide greater traffic flow and direct access via 3 essential links in the west of Kuala Lumpur, Lebuhraya SPRINT is being implemented in 2 packages.

Package A and B, comprising the Damansara Link and the Kerinchi Link, will be completed by mid 2001 with most of the multi-tier interchange structures already in place.

Pembinaan

Sektor ini merupakan penyumbang utama pendapatan Kumpulan iaitu sebanyak 53%, dengan sumber utama yang terbit daripada pembinaan Lebuhraya SPRINT serta permulaan pembinaan Skim Bekalan Air Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3).

Lebuhraya SPRINT

Pembinaan di Lebuhraya SPRINT yang merupakan projek lebuhraya penswastan ketiga bagi Kumpulan, yang bermula pada bulan Disember 1998, kini berjalan lancar mendahului jadual. Kini, dua pakej Lebuhraya SPRINT meliputi 6 lorong sejauh 26 kilometer direkabentuk bagi menyediakan aliran trafik yang lebih luas serta akses langsung melalui 3 lorong penting di bahagian barat Kuala Lumpur, sedang dilaksanakan.

Pakej A dan B yang meliputi Sambungan Damansara dan Sambungan Kerinchi akan disiapkan pada pertengahan tahun 2001 dan kebanyakan struktur persimpangan berbilang tingkatnya sudah pun sedia terbina.

Sungai Selangor Water Supply Scheme Phase 3 (SSP3)

SSP3 is the last major water resource to be developed in Selangor, without which the projected increase in demand by an expanding population and industries will outstrip present supply, escalating to a water shortage in 2003.

The consortium comprising The Sweet Water Alliance (40%), Gamuda Berhad (30%) and KDEB (30%) known as Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn. Bhd. (SPLASH) signed the concession agreement on the privatisation of SSP3 with the Selangor State Government on 24 January 2000. It provides SPLASH a 30-year concession on a Build-Operate-Transfer (BOT) basis to supply 1,050 million litres per day (mld) of treated water to Selangor and the Federal Territory.

Skim Bekalan Air Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3)

SSP3 adalah sumber air utama yang terakhir dibangunkan di Selangor. Tanpa projek ini, tambahan permintaan yang diunjur berikutan pertambahan penduduk serta industri dijangka akan melebihi bekalan yang sedia ada, meningkatkan keadaan kekurangan air menjelang tahun 2003.

Sebuah konsortium yang terdiri daripada The Sweet Water Alliance (40%), Gamuda Berhad (30%) dan KDEB (30%) yang dikenali sebagai Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn. Bhd. (SPLASH) menandatangani perjanjian konsesi bagi penswastan SSP3 dengan Kerajaan Negeri Selangor pada 24 Januari 2000. Ia menyediakan konsesi selama 30 tahun kepada SPLASH berasaskan Bina-Kendali-Pindah (BOT) untuk membekal 1,050 juta liter air bersih setiap hari (mld) kepada Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Under the concession agreement, SPLASH has also undertaken the operations and maintenance of Sungai Selangor Scheme Phase 1 (SSP1). SSP1 supplies 950 mld to the northern Klang Valley from its raw water intake station at Batang Berjuntai, water treatment plant at Bukit Badong and balancing reservoir at Matang Pagar.

With SSP1 already in operation and SSP3 to be completed in 2004, SPLASH will become among the largest water companies in the country, producing a combined total of 2,000 mld of treated water, or 43% of Selangor's total water supply.

Construction in stages of the RM2.146 billion project began in early 2000. It involves a regulating dam and reservoir near Kuala Kubu Baru, water intake and treatment plants at Rasa and Bukit Badong, and the realignment of a section of the existing KKB-Bukit Fraser road.

Di bawah perjanjian konsesi tersebut, SPLASH turut menjalankan operasi dan penyenggaraan Skim Sungai Selangor Fasa 1 (SSP1). SSP1 membekal 950 mld ke kawasan utara Lembah Klang dari stesen pengumpulan air mentahnya di Batang Berjuntai, loji rawatan air di Bukit Badong dan di tangki pengimbang di Matang Pagar.

Kedudukan SSP1 yang sudah pun beroperasi dan SSP3 yang akan siap menjelang tahun 2004 akan meletakkan SPLASH sebagai antara syarikat air terbesar di negara ini, mengeluarkan gabungan jumlah air 2,000 mld air bersih atau 435 daripada jumlah bekalan air Selangor.

Pembinaan yang berjalan secara berperingkat bagi projek bernilai RM2.146 bilion ini telah dimulakan pada awal tahun 2000. Ia melibatkan sebuah empangan kawalan dan tangki berhampiran Kuala Kubu Baru, loji pengumpulan dan rawatan air di Rasa dan Bukit Badong serta pengalihan sebahagian daripada jalanraya KKB-Bukit Fraser yang sedia ada.

Litrak will continue to focus on raising standards of service quality and safety. Further investments in the Intelligent Transport System (ITS), promotion of the 'Fastrak' electronic toll payment tag, on-going road-widening and traffic system improvements will allow greater throughput on the LDP.

As new townships along the southern alignment towards Putrajaya become more established, the corresponding higher toll traffic volume will contribute towards Litrak's further growth during its 33-year concession period.

Lebuhraya Shah Alam (LSA)

Reflecting the general economic recovery, traffic volume has grown steadily to exceed 190,000 vehicles per day, significantly better than pre-crisis volumes.

Litrak akan terus memfokus perhatiannya untuk mempertingkatkan taraf perkhidmatan yang berkualiti dan selamat. Pelaburan seterusnya dalam Sistem Pengangkutan Pintar (ITS), promosi tag bayaran tol secara elektronik 'Fastrak', kerja melebarkan jalan dan peningkatan sistem trafik yang dijalankan secara berterusan akan membolehkan truput yang lebih tinggi di LDP.

Beberapa perbandaran baru di sepanjang jalan selari menuju selatan ke arah Putrajaya telah semakin ketara dan dengan pertambahan jumlah trafik bertol nanti, ia akan memberi sumbangan kepada pertumbuhan Litrak selanjutnya sepanjang tempoh konsesinya selama 33 tahun.

Lebuhraya Shah Alam (LSA)

Pemulihan ekonomi secara umum telah mendorong pertambahan bilangan trafik yang melebihi 190,000 kenderaan setiap hari, jauh lebih baik berbanding bilangan sebelum kemelesetan ekonomi dahulu.



Construction works progressing smoothly at SSP3
Kerja pembinaan di SSP3 sedang berjalan lancar



LDP Cable-Stayed Bridge
Jambatan Tambat Berkabel LDP



Remote monitoring of toll collection at Litrak
Pemantauan jarak jauh kutipan tol di Litrak



Aerial view of Lebuhraya Shah Alam
Lebuhraya Shah Alam dari pemandangan udara

Expressway Tolling and Management

Toll earnings from expressway operations have benefited from the increase in new vehicle sales and revived economic activity, contributing 30% of the Group's total earnings.

Lebuhraya Damansara Puchong (LDP)

Our associate, Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad (Litrak) enjoyed its first full financial year of tolling, registering a 44% rise in daily toll traffic volume to 230,000 vehicles per day.

Since tolling commenced on 25 January 1999 at 4 toll plazas, LDP has become a prime route for travel between Sri Damansara-Petaling Jaya-Sunway to Puchong-Putrajaya. On an average day, LDP is consistently busy with some 600,000 to 700,000 vehicles, mainly regular commuters. This is testimony to LDP's acceptance and popularity as a strategic and vital urban highway.

Kutipan Tol dan Pengurusan Lebuhraya

Pendapatan tol daripada operasi lebuhraya telah mendapat manfaat daripada pertambahan jualan kenderaan baru dan pemulihan aktiviti ekonomi dan dengan demikian, menyumbang sebanyak 30% kepada jumlah pendapatan Kumpulan.

Lebuhraya Damansara Puchong (LDP)

Syarikat bersekutu kami, Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad (Litrak) menikmati satu tahun kewangan penuh pertama dalam operasi tolnya, mencapai kenaikan jumlah aliran trafik bertol setiap hari yang melonjak kepada 230,000 kenderaan setiap hari.

Sejak kutipan tol bermula pada 25 Januari 1999 di 4 buah plaza tol, LDP telah menjadi satu laluan utama bagi perjalanan antara Sri Damansara-Petaling Jaya-Sunway ke Puchong-Putrajaya. Secara purata setiap hari, LDP sentiasa sibuk dengan kira-kira 600,000 ke 700,000 kenderaan, terutamanya pengguna kerap. Ini membuktikan penerimaan dan kemasyhuran LDP sebagai sebuah lebuhraya bandar yang strategik dan penting.

Traffic monitoring statistics show that LSA is becoming an increasingly popular alternative route to the south and south-west of the city via the eastern alignment of the Middle Ring Road 2 (MRR2). This has factored into higher and growing tolling revenues.

Konsortium Expressway Shah Alam Selangor (KESAS), the concessionaire and expressway operator of LSA received the MS ISO 9002 accreditation by SIRIM on 1 February 2000, the first highway concessionaire in Malaysia to be awarded this quality certification which recognises the company's achievements in its operations and management systems.

LSA's 34.5 km crucial east-west link stretches from the Sri Petaling Interchange adjoining the LDP to Pandamaran Interchange, the access road to Westport. As such, LSA is well positioned to take advantage of positive indicators associated with economic recovery such as revived vehicle sales, container shipments at Westport and new property developments along the expressway corridor.

Statistik pemantauan trafik menunjukkan bahawa LSA semakin menjadi laluan alternatif yang popular menuju ke selatan dan barat laut bandaraya melalui laluan selari timur Jalan Lingkaran Tengah 2. Ini telah menyumbang kepada pertumbuhan hasil tol yang lebih tinggi.

Konsortium Expressway Shah Alam Selangor (KESAS), pemegang konsesi dan pengendali lebuhraya LSA menerima pengesahan MS ISO 9002 oleh SIRIM pada 1 Februari 2000, pemegang konsesi lebuhraya pertama di Malaysia yang diberi anugerah kualiti. Ia mengiktiraf pencapaian syarikat ini dalam sistem operasi dan pengurusannya.

Sambungan timur-barat LSA sejauh 34.5 km yang penting ini bermula dari Persimpangan Bertingkat Sri Petaling bersambungan dengan Puchong ke Persimpangan Bertingkat Pandamaran, jalan akses menuju ke Westport. Justeru itu, LSA berada dalam kedudukan yang baik untuk mengambil kesempatan daripada petunjuk positif berkaitan dengan pemulihan ekonomi iaitu seperti pemulihan jualan kenderaan, perkapalan kontena di Westport dan beberapa pembangunan hartanah di sepanjang koridor lebuhraya ini.

Property Development

Property development contributed a lower 8% of the Group's total earnings, as a result of reduced property launches during the economic crisis.

Hicom-Gamuda Development Sdn. Bhd.

Gamuda's 50% owned associate, Hicom-Gamuda Development Sdn. Bhd. has to date successfully launched and sold a total RM1.6 billion worth of property, comprising 3,600 residential units, 380 units of industrial properties and 550 units of shop-offices.

Despite the general property market overhang, strong demand for Kota Kemuning homes has seen units sold-out within days of launch. Hicom-Gamuda's positioning of not just being a 'builder of houses', but dedicated to offer a 'total quality lifestyle concept' has been highly

Pembangunan Hartanah

Pembangunan hartanah menghasilkan sumbangan yang rendah iaitu sebanyak 8% kepada jumlah pendapatan Kumpulan berikutan pengurangan pelancaran hartanah sepanjang tempoh krisis ekonomi.

Hicom-Gamuda Development Sdn. Bhd.

Hicom-Gamuda Development Sdn. Bhd., sebuah syarikat bersekutu 50% milik Gamuda, sehingga kini berjaya melancar serta menjual hartanah bernilai RM1.6 bilion yang terdiri daripada 3,600 unit kediaman, 380 unit hartanah perindustrian dan 550 unit kedai-pejabat.

Walaupun berhadapan dengan pasaran hartanah yang lembab, keteguhan permintaan bagi kediaman Kota Kemuning telah mencapai kejayaan pelancaran yang habis dijual dalam tempoh beberapa hari sahaja selepas dilancarkan. Peletakan strategi Hicom-Gamuda bukan sahaja sebagai 'pembina kediaman', malah ia turut berdedikasi untuk

Given the positive response, encouraged by low interest rates for housing loans, Hicom-Gamuda's development focus for the following year will concentrate on a mix of residential parcels, in line with market demand.

Valencia Development Sdn. Bhd.

In September 1999, the Group through our 80% owned subsidiary Valencia Development Sdn. Bhd., acquired 285 acres of freehold and leasehold land located in the northwest of Kuala Lumpur city, adjacent to the established high-end residential development of Sierramas.

Valencia will be developed and marketed as premier residential properties set within an exclusive gated community incorporating 'quality lifestyle and smart home' concepts.

Over a third of the total area is devoted to landscaped greenbelts and a 9 hole golf course designed by Ross Watson, exclusive to Valencia residents.

Berdasarkan sambutan positif yang diterimanya, serta rangsangan daripada kadar faedah pinjaman perumahan yang rendah, fokus pembangunan Hicom-Gamuda pada tahun depan akan tertumpu kepada beberapa pembangunan kediaman bercampur, selaras dengan permintaan pasaran.

Valencia Development Sdn. Bhd.

Pada bulan September 1999, Kumpulan melalui Valencia Development Sdn. Bhd., sebuah syarikat subsidiari 80% miliknya, telah membeli sebidang tanah milik bebas dan pegangan pajakan seluas 285 ekar di barat laut bandaraya Kuala Lumpur, bersebelahan dengan sebuah pembangunan kediaman kelas atasan yang terkemuka iaitu Sierramas.

Valencia akan dimaju dan dipasarkan sebagai hartanah kediaman bertaraf perdana yang terletak di sebuah penempatan masyarakat eksklusif, menggabungkan konsep 'gaya hidup berkualiti dan kediaman pintar'.



Kota Kemuning residents enjoy the township's intelligent planning, clean streetscape and landscaped parks with playground facilities, winning the Planning Innovation & Concept Award 2000. Penduduk Kota Kemuning menikmati perancangan pintar perbandaran ini, jalanraya dan taman bersih berlanskap dengan kemudahan taman permainan kanak-kanak, yang membolehkan ia memenangi Anugerah Perancangan Inovasi & Konsep 2000.



Kota Permai Golf & Country Club
Kota Permai Golf & Country Club



Integrated business and commercial complexes
Kompleks perniagaan dan perdagangan bersepadu

effective. With 2,500 units of properties handed over, residents have praised the intelligent planning, clean streetscape, beautiful landscaping and generous green open spaces aesthetically lit up at dusk, which makes Kota Kemuning homes a pleasant, safe and scenic sanctuary for their families. In recognition, the Malaysian Institute of Planners have chosen Kota Kemuning to receive the Planning Innovation & Concept Award 2000.

When fully completed, the 1,819 acre development will have over 8,500 residential units. At the heart of Kota Kemuning, fronting its freshwater lake, a festive retail centre will be complemented by integrated business and commercial complexes. The Kota Permai Golf & Country Club and its acclaimed 18 hole golf course, home to the Volvo Masters, provides the township with a focal point for recreation and entertainment.

menawarkan 'konsep gaya hidup berkualiti sepenuhnya' yang didapati amat berkesan. Kejayaannya menyerahkan sebanyak 2,500 unit hartanahnya mendorong para pemilik kediaman tersebut memberi pujian kepadanya kerana menyediakan perancangan yang pintar, pinggir lorong yang berlanskap, lanskap yang indah serta ruang lapang hijau yang diterangi dengan cahaya estetika pada waktu senja, menjadikan kediaman Kota Kemuning satu penempatan yang menyeronokkan, selamat dan cantik untuk kehidupan sekeluarga. Sebagai pengiktirafan, Institut Perancang Malaysia telah memilih Kota Kemuning untuk menerima Anugerah Perancangan Inovasi & Konsep 2000.

Apabila disiapkan sepenuhnya nanti, pembangunan seluas 1,819 ekar ini akan mempunyai lebih 8,500 unit kediaman. Di tengah-tengah Kota Kemuning yang berhadapan dengan tasik air tawarnya, sebuah pusat gedung membeli-belah festival bakal didirikan untuk melengkapi beberapa kompleks perniagaan dan perdagangan bersepadu. Kota Permai Golf & Country Club serta padang golf 18 lubangnya yang terkenal, tuan rumah kepada Volvo Masters, menjadikan perbandaran ini sebuah pemuatan bagi acara rekreasi dan hiburan.

The development comprising luxury bungalows, semi-detached houses, hillside terrace townhouses and superlink houses will also enjoy facilities of Valencia's Golf and Sports Club, including a swimming pool and restaurants. Valencia will initiate its first sales launch by early next year.

Green open spaces lit up at dusk
Dataran hijau terbuka diterangi cahaya di waktu senja



Lebih satu pertiga daripada keluasanya diperuntukkan bagi kawasan hijau dan sebuah padang golf 9 lubang yang direkabentuk oleh Ross Watson, eksklusif hanya untuk penghuni di Valencia.

Pembangunan ini terdiri daripada banglo mewah, rumah berkembar, rumah bandar teres di tebing bukit dan rumah superlink akan dilengkapi dengan kemudahan Kelab Golf dan Sukan Valencia, termasuk sebuah kolam renang dan restoran. Valencia akan memulakan pelancaran pertamanya menjelang awal tahun depan.

Manufacturing, Quarrying, Plant Hire & Others

Improved performance by all businesses in this sector has contributed 8% to the Group's total earnings.

Megah Sewa's contribution increased significantly as a result of higher demand for construction plant and equipment hire, particularly on works at Lebuhraya SPRINT and commencement of SSP3.

G.B. Kuari remains the market leader in Perak's quarry industry, increasing its sales of quality premix and aggregates for road construction and maintenance works in the state. Demand for quarry products will be sustained as major infrastructure projects such as the Ipoh-Lumut Expressway and the Ipoh to Rawang double railway track are scheduled to begin.

Perkilangan, Kuari, Penyewaan Loji & Lain-lain

Peningkatan prestasi semua perniagaan dalam sektor ini telah menyumbang sebanyak 8% kepada jumlah pendapatan Kumpulan.

Sumbangan Megah Sewa meningkat dengan ketara berikutan pertambahan permintaan untuk penyewaan loji dan peralatan pembinaan, terutamanya bagi kerja-kerja di Lebuhraya SPRINT dan permulaan SSP3.

G.B. Kuari yang mampu mengekalkan kedudukannya sebagai pemimpin pasaran bagi industri kuari di Perak menikmati pertambahan jualan simen siap bancuh dan agregat berkualiti bagi pembinaan jalanraya dan kerja-kerja penyenggaraan di negeri tersebut. Permintaan bagi produk kuari akan dapat dikekalkan kerana beberapa projek infrastruktur utama seperti Lebuhraya Ipoh-Lumut dan landasan keretapi berkembar Ipoh ke Rawang dijadual akan dimulakan.

To remain at the technology forefront, GIT has signed on as an IBM business partner. This strategic partnership with a global IT leader will facilitate the transfer of new technologies and relevant skills to GIT personnel, positioning GIT Services on a stronger platform to provide IT services and the development of solutions to selected markets.

Corporate Developments

Dyna Plastics Sdn. Bhd.

On 2 June 2000, Gamuda announced its 43.7% investment in the paid-up capital of Dyna Plastics Sdn. Bhd.

Untuk sentiasa mengikuti perkembangan terkini dalam dunia teknologi, GIT telah menandatangani satu perjanjian dengan IBM sebagai rakan perniagaan. Perkongsian strategik dengan pemimpin IT global ini akan memudahkan pemindahan teknologi baru dan kemahiran berkaitan kepada kakitangan GIT dan dengan demikian membantu meletakkan GIT Services pada platform yang lebih teguh untuk menyediakan perkhidmatan IT dan pembangunan penyelesaian kepada beberapa pasaran terpilih.

Perkembangan Korporat

Dyna Plastics Sdn. Bhd.

Pada 2 Jun 2000, Gamuda mengumumkan mengenai pelaburannya ke dalam 43.7% modal berbayar Dyna Plastics Sdn. Bhd.



Quarrying and premix production at G.B. Kuari in Kuala Dipang, Perak
Aktiviti kuari dan pengeluaran konkrit siap bancuh di Kuala Dipang, Perak



NCR paper production at GPI
Pengeluaran kertas NCR di GPI



Megah Sewa plant operators at the Kota Kemuning facility providing construction plant and equipment hire
Pengendali kemudahan loji Megah Sewa di Kota Kemuning menyediakan penyewaan loji dan peralatan pembinaan



Production of Dyna's Polymer Lithium Ion battery
Pengeluaran Bateri Polymer Lithium Ion Dyna

Gamuda Paper Industries (GPI) has achieved record production output as a result of improved plant productivity and operational efficiency, resulting in a significant rise in non-carbon required (NCR) paper sales at firmer prices. R&D efforts to further enhance quality will underpin GPI's push to export to the international NCR market.

Gamuda Paper Industries (GPI) mencapai output pengeluaran mencatat rekod berikutan peningkatan produktiviti dan kecekapan operasi. Ini telah membantu peningkatan ketara jualan kertas non-carbon required (NCR) pada harga yang lebih teguh. Usaha R&D untuk mempertingkatkan lagi kualiti akan merangsang usaha GPI untuk mengeksport keluarannya ke pasaran NCR antarabangsa.

I.T. Software Business

GIT Services is introducing IT solutions that will better manage and streamline traditional construction-related business processes in addition to identifying and implementing appropriate e-Business initiatives to keep the Group apace with IT advancements. GIT has already successfully developed and implemented accounting systems for the Group's project sites and is currently designing SPRINT's toll collection system, which GIT will install and ultimately maintain all toll systems within the Group.

Perniagaan Perisian IT

GIT Services sedang memperkenalkan penyelesaian IT yang akan membantu mengurus serta menyusun semula proses perniagaan berkaitan pembinaan yang dijalankan secara tradisional dan di samping itu mengenalpasti serta melaksanakan beberapa inisiatif e-Perniagaan untuk memastikan Kumpulan sentiasa mengikuti perkembangan kecanggihan dunia IT. GIT telah berjaya membangun serta melaksanakan sistem perakaunan untuk tapak-tapak projek Kumpulan dan kini sedang merekabentuk sistem kutipan tol SPRINT yang akan dipasang oleh GIT dan seterusnya akan menyelenggara semua sistem tol dalam Kumpulan.

With its plant in Ipoh, Perak, Dyna is applying state-of-the-art technology to manufacture the latest generation of advanced rechargeable batteries, known as Polymer Lithium Ion (PLi) to power the increasingly sophisticated portable electronic and telecommunications devices of the 'New Economy'.

Recognition of Dyna's capabilities led to a landmark R&D collaboration agreement with the PLi patent holder, Telcordia Technologies Inc. Signed on 14 September 2000, it represents the first such agreement the R&D giant has entered into with a company outside the U.S.

Dyna has been accorded 'Strategic Pioneer Status' and 'Licensed Manufacturer Warehouse' status by the Malaysian Government, allowing tax incentives in acknowledgement of the highly advanced nature of the project.

Dyna yang mempunyai kilang di Ipoh, Perak, menggunakan teknologi canggih untuk mengilang bateri boleh cas semula generasi terkini yang canggih, dikenali sebagai Polymer Lithium Ion (PLi) yang digunakan untuk memberi kuasa kepada alat-alat elektronik dan telekomunikasi mudah alih Zaman Ekonomi Baru yang semakin canggih.

Pengiktirafan terhadap keupayaan Dyna telah merintis kepada perjanjian permuafakatan R&D yang ulung dengan pemegang paten PLi iaitu Telcordia Technologies Inc. yang ditandatangani pada 14 September 2000. Ia merupakan perjanjian pertama dimeterai oleh syarikat R&D besar ini dengan sebuah syarikat di luar Amerika Syarikat.

Dyna telah diberi 'Status Perintis Strategik' dan status 'Gudang Pengilang Berlesen' oleh kerajaan Malaysia, membolehkan ia menikmati insentif cukai sebagai pengiktirafan sifat projek ini yang amat canggih.

In addition, Lloyd's Register Quality Assurance has given ISO 9001 accreditation, which will help leverage Dyna's PLi batteries to a greater global market, particularly the Original Equipment Manufacturers (OEM).

With current PLi demand outstripping supply, this strategic investment will give Gamuda an entry into a key technology and enable Dyna to purchase specialised machinery for high volume commercial production in 2001.

New Landbank – Bukit Tinggi

Gamuda has recently acquired a strategic new landbank to complement its existing property development activities. The two parcels of freehold land totalling 1,241 acres in the Bukit Tinggi Estate is located 6 minutes drive eastward from the Kota Kemuning township to the southern tip of Klang town.

Di samping itu, Lloyd's Register Quality Assurance telah memberi pengesahan ISO 9001 yang akan membantu mengimbangi bateri PLi Dyna menembusi lebih luas ke dalam pasaran global, terutamanya di pasaran Pengilang Pasaran Asal (OEM).

Dengan permintaan PLi masakini yang melebihi bekalan, pelaburan strategik ini akan memberi Gamuda satu peluang memasuki ke dalam bidang teknologi penting dan membolehkan Dyna membeli jentera khusus bagi tujuan pengeluaran secara komersial dalam jumlah yang besar menjelang tahun 2001.

Tanah Simpanan Baru – Bukit Tinggi

Baru-baru ini Gamuda telah membeli satu tanah simpanan baru yang strategik untuk melengkapi aktiviti pembangunan hartanahnya yang sedia ada. Dua bidang tanah milik bebas seluas 1,241 ekar di Ladang Bukit Tinggi ini terletak kira-kira enam minit memandu menuju ke arah timur perbandaran Kota Kemuning menuju bahagian hujung selatan bandar Klang.

Bonus Issue

Pursuant to the bonus issue on 3 March 2000, the company issued 322,213,836 ordinary shares of RM1.00 on the basis of one new ordinary share for every one existing ordinary share held.

Human Resource Development

Staff Training

The economic downturn has not affected our commitment to develop the potential of our employees through structured and comprehensive training programmes conducted by internal as well as externally sourced professional trainers. In fact, Gamuda's training budget has increased consistently, now exceeding RM1 million with days allocated for training far above the market average.

Terbitan Bonus

Berhubung dengan terbitan bonus yang dibuat pada 3 Mac 2000, syarikat telah menerbitkan sebanyak 322,213,836 saham biasa berharga RM1.00 berasaskan kepada satu saham biasa baru bagi setiap satu saham biasa sedia ada yang dimiliki.

Pembangunan Sumber Manusia

Latihan Kakitangan

Kegawatan ekonomi telah tidak menjejaskan komitmen kami untuk membangunkan potensi kakitangan kami melalui program latihan berstruktur dan menyeluruh yang dijalankan secara dalaman serta yang diberi oleh tenaga jurulatih profesional dari luar. Malah, belanjawan latihan Gamuda telah bertambah secara konsisten, dan kini melebihi RM1 juta dengan bilangan hari yang diperuntukkan bagi menjalani latihan melebihi purata yang terdapat di pasaran.



Aerial view of Bukit Tinggi land
Permandangan udara di kawasan Bukit Tinggi

Artist's impression of KLEE's 2-tier highway structure
Struktur lebuhraya 2-tingkat KLEE menurut gambaran pelukis

Orang Asli graduates from GPOS
Orang Asli lepasan GPOS

GPOS building at Kota Kemuning
Bangunan GPOS di Kota Kemuning

Staff training at Gamuda's new Learning Centre
Latihan kakitangan di Pusat Pendidikan Gamuda yang baru

Accessible from the Federal Highway or Lebuhraya Shah Alam, a residential and commercial mixed development is planned. Sited within established urbanzones that have supporting infrastructure and public amenities already in place, the Bukit Tinggi Estate will take advantage of the progressive growth trend from Kuala Lumpur dispersing westwards.

Kuala Lumpur Elevated Expressway (KLEE)

The concession agreement for the Group's fourth privatised expressway is still being finalised with the Government. Its design is also being reviewed for engineering optimisation and feasibility of construction.

When completed, KLEE will provide motorists from seven major highways from the south and west of Kuala Lumpur direct and free flow links to four key roads in the Golden Triangle in Kuala Lumpur.

Sebuah pembangunan campuran kediaman dan perdagangan dirancang akan dibina di kawasan ini yang boleh dilalui melalui Lebuhraya Persekutuan atau Lebuhraya Shah Alam. Ladang Bukit Tinggi yang terletak berdekatan beberapa zon bandar terkemuka yang mempunyai infrastruktur sokongan dan kemudahan awam yang tersedia ini akan mengambil kesempatan daripada arah aliran pertumbuhan progresif dari Kuala Lumpur yang semakin merebak ke arah barat.

Lebuhraya Bertingkat Kuala Lumpur (KLEE)

Perjanjian konsesi lebuhraya swasta keempat bagi Kumpulan ini masih sedang diputuskan dengan Kerajaan. Rekabentuknya juga sedang disemak semula bagi mencapai pengoptimuman kejuruteraan dan daya maju pembinaannya.

Apabila disiapkan kelak, KLEE akan menyediakan para pemandu kereta dari tujuh lebuhraya utama dari selatan dan barat Kuala Lumpur sambungan terus dan aliran lancar ke empat jalanraya utama di Segi Tiga Emas di Kuala Lumpur.

Training and supervision in the latest construction technologies and methods at project sites are in progress to improve operational efficiency and productivity. Continued training and monitoring at all levels to practice strict health and safety standards is strenuously emphasised.

Courses for senior management have focused on developing leadership skills and knowledge of current management concepts, including e-Business. This will help ensure the Group remains performance-driven and adaptive to change, necessary to successfully compete in a results-oriented environment.

Gamuda Plant Operator School (GPOS)

Set up in 1997 as a non-profit training centre primarily to develop a pool of skilled plant operators inculcated with safe best practices for the Group's construction operations, GPOS is now providing its training services to the construction industry at large.

Latihan dan penyeliaan dalam teknologi dan kaedah pembinaan di tapak projek berjalan dengan lancar bagi mempertingkatkan kecekapan operasi dan produktiviti. Latihan dan pemantauan berterusan di semua peringkat untuk mengamalkan standard kesihatan dan keselamatan yang ketat diberikan perhatian utama.

Kursus-kursus yang disediakan untuk pengurusan kanan ditumpukan bagi membina kemahiran dan pengetahuan kepimpinan mengenai konsep pengurusan semasa, termasuk e-Perniagaan. Ini akan membantu memastikan Kumpulan kekal didorong oleh prestasi dan mampu membuat penyesuaian kepada perubahan yang diperlukan bagi bersaing dengan cemerlang dalam persekitaran yang berorientasikan pencapaian.

Gamuda Plant Operator School (GPOS)

Sekolah yang ditubuhkan pada 1997 ini adalah sebuah pusat bukan mementingkan keuntungan yang mempunyai matlamat utama untuk membangunkan sekumpulan tenaga operator loji yang dipupuk dengan amalan keselamatan terbaik bagi operasi pembinaan Kumpulan. Kini ia menyediakan perkhidmatan latihan untuk industri pembinaan secara umum.

As the only facility in Malaysia recognised both by the Construction Industry Development Board (CIDB) and the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) as their approved training and testing centre, customers regard courses offered by GPOS as cost effective, industry relevant and conducted in a quality training environment. From its base in the Klang Valley, GPOS now organises training courses on request throughout Peninsular Malaysia.

Upgrading competencies of the Group's plant operators with emphasis on adherence to safety standards and practices, GPOS also actively promotes its training courses externally and has already succeeded in going further afield to East Malaysia.

Sebagai satu-satunya kemudahan latihan yang diiktiraf oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) yang telah meluluskannya sebagai pusat latihan dan ujian, para pelanggan menganggap berbagai kursus yang ditawarkan oleh GPOS sebagai berkesan dari segi kos, berkaitan dengan industri dan dijalankan dalam persekitaran latihan yang berkualiti. Bermula dari pangkalannya di Lembah Klang, kini GPOS menganjurkan berbagai kursus latihan mengikut permintaan di seluruh Semenanjung Malaysia.

Di samping mempertingkatkan kemahiran para operator loji Kumpulan dengan memberi penekanan terhadap pematuhan kepada standard serta amalan keselamatan, GPOS turut menggalakkan secara aktif kursus-kursus latihannya di luar dan berjaya merentasi hingga ke Malaysia Timur.

Our associates, Litrak and SPLASH, also launched inaugural scholarship programmes this year. The scholarships SPLASH awarded to Orang Asli students in Selangor are an extension of the various social development programmes undertaken to improve the quality and range of choices available to the Orang Asli community.

Future Prospects

By transforming our profile from a pure construction company to developing, constructing and operating key infrastructure concessions, Gamuda's strategic and resilient earnings base has enabled the Group to sustain impressive rates of growth.

Syarikat bersekutu kami, Litrak dan SPLASH turut melancarkan program biasiswa pertama masing-masing pada tahun ini. Biasiswa yang diberi oleh SPLASH kepada para pelajar Orang Asli di Selangor adalah lanjutan kepada berbagai program pembangunan sosial yang dijalankan untuk mempertingkatkan kualiti dan jenis pilihan yang tersedia kepada masyarakat Orang Asli.

Prospek Masa Depan


Melalui perubahan profil kami daripada sebuah syarikat pembinaan semata-mata kepada sebuah syarikat pembangunan, pembinaan dan pengendali konsesi infrastruktur penting, asas pendapatan strategik dan berdaya tahan, Gamuda telah membolehkan Kumpulan mencapai kadar pertumbuhan yang berterusan.



Gamuda scholarship award presentation
Penyampaian anugerah biasiswa Gamuda



Sungai Selangor Water Supply Scheme Phase 1 (SSP1), sedimentation tanks and control room
Skim Bekalan Air Sungai Selangor Fasa 1 (SSP1), tangki empangan dan bilik kawalan



Rasa water treatment plant
Loji rawatan air Rasa



Artist's impression of the Sungai Selangor dam
Empangan Sungai Selangor menurut gambaran pelukis

During the year, GPOS successfully trained 24 Orang Asli youths to operate heavy construction equipment under SPLASH's Community Development Program. With certificates accredited by CIDB, these Orang Asli graduates have found gainful employment as assistant plant operators at the SSP3 project site in Kuala Kubu Baru.

Gamuda Scholarships

Our belief in the importance of education is unwavering. Since its inception in 1995, Gamuda has awarded a total of 34 tertiary scholarships to eligible Malaysian students, amounting to RM911,000. This year a record number of 11 engineering students received financial assistance to pursue their studies both locally and abroad, underlying our commitment to continue to provide tertiary educational opportunities for deserving Malaysians.

Pada tahun ini, GPOS berjaya melatih 24 belia Orang Asli untuk mengendalikan peralatan pembinaan berat di bawah Program Pembangunan Masyarakat SPLASH. Dengan sijil yang diakreditasi oleh CIDB, kini tiga orang peserta kursus Orang Asli telah mendapat pekerjaan sebagai pembantu operator loji di tapak projek SSP3 di Kuala Kubu Baru.

Biasiswa Gamuda

Kepercayaan kami terhadap kepentingan pendidikan memang tidak berbelah bahagi. Sejak ditubuhkan pada tahun 1995, Gamuda telah mengeluarkan sebanyak 34 biasiswa pengajian tinggi kepada para pelajar Malaysia yang layak dan ia menelan belanja sebanyak RM911,000. Pada tahun ini, seramai 11 orang pelajar kejuruteraan menerima bantuan kewangan untuk melanjutkan pengajian mereka di dalam dan di luar negeri. Ia melambangkan komitmen berterusan kami untuk menyediakan peluang belajar di peringkat tinggi kepada warga Malaysia yang memerlukannya.

Our growth will continue to be propelled by construction with an order book in excess of RM3.5 billion. There will be increasing contributions from the SSP3 project as well as the balance of works on SPRINT's package A and B, the start of package C, and the future Kuala Lumpur Elevated Expressway.

The successful privatisation of SSP3 and SSP1 to SPLASH augurs well for our venture into the water supply industry. Upon completion of SSP3, SPLASH will emerge as one of the country's leading water producers, providing a base for other water related ventures in future.

Concession income from the tolled highways will increasingly provide stability to earnings as daily toll traffic volume on these popular routes rise in tandem with overall economic recovery. Given that construction works on SPRINT are significantly ahead of schedule, revenue from the commencement of tolling on the Damansara and Kerinchi Links can also be realised earlier than expected.

Pertumbuhan kami akan terus dijana oleh pembinaan yang menerima pesanan kerja bernilai lebih RM3.5 bilion. Peningkatan sumbangan akan diperolehi daripada projek SSP3 serta baki kerja-kerja SPRINT pakej A dan B, permulaan pakej C dan Lebuhraya Bertingkat Kuala Lumpur pada masa depan.

Kejayaan langkah penswastaaan SSP3 dan SSP1 kepada SPLASH, memanfaatkan usahaniaga kami ke dalam industri pembekalan air. Apabila SSP3 disiapkan, SPLASH akan menjadi salah sebuah pengeluar air yang terbesar di negara ini dengan menyediakan asas kepada usahaniaga berasaskan air yang lain pada masa hadapan.

Selaras dengan pemulihan ekonomi, pendapatan konsesi daripada lebuhraya bertol akan menstabilkan lagi pendapatan memandangkan pertambahan volum lalu lintas menggunakan jalan yang terkenal ini. Memandangkan kerja-kerja pembinaan di SPRINT disiapkan lebih awal daripada jadual, hasil daripada permulaan operasi pengutipan tol di Jalan Penghubung Damansara dan Kerinchi juga boleh terlaksana lebih awal daripada jangkaan.

Property development activities will see a major resurgence with increased sales launches over the next few years by Hicom-Gamuda Development at the Kota Kemuning township. The implementation of Valencia's development plan with the maiden sales launch early 2001 will further strengthen the Group's reputation for its distinctive approach to township development.

Dividends

Further to an interim tax-exempt dividend of 4 sen, the Board has recommended a final tax-exempt dividend of another 4 sen, for a total dividend of 8 sen tax-exempt, for the financial year.

Acknowledgement and Appreciation

For the record achievements this year, I would like to express my appreciation to fellow colleagues of the Board and to the management and staff of the Group, who deserve due recognition for Gamuda's shared success.

I also extend my sincere thanks to our shareholders, bankers, Government agencies, statutory organisations and our business associates for their continued confidence and support for the Gamuda Group.

TAN SRI DATO' IR TALHA BIN HAJI MOHD HASHIM

Chairman / Pengerusi



Kota Kemuning homes offer a 'Total Quality Lifestyle' concept
Kediaman Kota Kemuning menawarkan konsep 'Gaya Hidup Berkualiti'

Aktiviti pembangunan hartanah akan memperlihatkan lonjakan besar dengan peningkatan pelancaran jualan sepanjang tempoh beberapa tahun akan datang oleh Hicom-Gamuda Development di perbandaran Kota Kemuning. Pelaksanaan rancangan pembangunan Valencia dengan pelancaran pertama pada awal tahun 2001 akan mengukuhkan lagi reputasi Kumpulan dalam mengamalkan pendekatan istimewa dalam usaha pembangunan perbandaran.

Dividen

Selain daripada dividen interim dikecualikan cukai sebanyak 4 sen, Lembaga Pengarah mencadangkan dividen akhir dikecualikan cukai sebanyak 4 sen, menjadikan dividen pada tahun kewangan ini berjumlah 8 sen dikecualikan cukai.

Penghargaan dan Terima Kasih

Saya ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan sejawatan di dalam Lembaga Pengarah dan pengurusan serta kakitangan Kumpulan yang sememangnya berhak menerima pengiktirafan di atas kejayaan Gamuda yang mencatat rekod pada tahun ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para pemegang saham kami, berbagai agensi Kerajaan, badan berkanun dan rakan perniagaan kami di atas keyakinan dan sokongan berterusan yang telah diberi kepada Kumpulan Gamuda.

Gamuda Group Diary of Events 2000

Takwim Tahunan 2000 Kumpulan Gamuda

04 January / Januari 2000

Gamuda Berhad held its 23rd AGM & EGM at Kota Permai Golf & Country Club.

Gamuda Berhad mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Tahunan Luar Biasa ke 23 di Kota Permai Golf & Country Club.



24 January / Januari 2000

SPLASH signed the Concession Agreement for the Sungai Selangor Phase 3 project with the Selangor State Government.

SPLASH menandatangani Perjanjian Konsesi untuk Fasa 3 Sungai Selangor dengan Kerajaan Negeri Selangor.



25 January / Januari 2000

Gamuda sponsored Le Tour de Langkawi 2000 which saw professional cyclists on the Lebuhraya Damansara-Puchong as part of the race route.

Gamuda menaja Le Tour de Langkawi 2000 yang menampilkan pelumba basikal profesional bertarung di Lebuhraya Damansara-Puchong sebagai sebahagian daripada laluan perlumbaan.



01 February / Februari 2000

SPLASH Infocenter at Kuala Kubu Baru was officially opened by KKB assemblyman YB Dato' Ch'ng Toh Eng.

SPLASH Infocenter di Kuala Kubu Baru dibuka secara rasmi oleh wakil rakyat KKB YB Dato' Ch'ng Toh Eng.



19 February / Februari 2000

KESAS, Litrak and SPRINT jointly organised Kelas Golf at Valencia Golf & Country Club.

KESAS, Litrak dan SPRINT menjadi penganjur bersama Kelas Golf di Valencia Golf & Country Club.



13 April 2000

KESAS became the first highway concessionaire in Malaysia to be awarded ISO 9002.

KESAS menjadi konsesi lebuhraya pertama di Malaysia yang dianugerahkan dengan ISO 9002.



21 April 2000

The pioneer group of Orang Asli graduated from Gamuda Plant Operator School and offered on-site training and employment at SSP3.

Kumpulan perintis Orang Asli yang menamatkan pengajian daripada Sekolah Operator Loji Gamuda telah ditawarkan latihan di tapak dan pekerjaan di SSP3.



02-05 May / Mei 2000

SPLASH was the Gold Sponsor for Water 2000, an international exhibition & forum to address global water issues.

SPLASH menjadi Penaja Emas bagi Water 2000 iaitu pameran & forum antarabangsa untuk menangani isu-isu air sedunia.



05 May / Mei 2000

Hicom-Gamuda Development held its ground-breaking ceremony for Kota Kemuning low cost apartments.

Hicom-Gamuda Development mengadakan upacara pecah tanah untuk projek pangsapuri kos rendah Kota Kemuning.



14 May / Mei 2000

Deputy Prime Minister YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi participated in the Media Golf Challenge sponsored by the Gamuda Group at Kota Permai Golf & Country Club.

Timbalan Perdana Menteri YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi menyertai Cabaran Golf Media yang ditaja oleh Kumpulan Gamuda di Kota Permai Golf & Country Club.



Gamuda Group Diary of Events 2000

Takwim Tahunan 2000 Kumpulan Gamuda

02 June / Jun 2000

Gamuda Berhad announced its investment in Dyna Plastics, manufacturing Polymer Lithium Ion batteries.

Gamuda Berhad mengumumkan pelaburannya di dalam Dyna Plastics, yang terlibat dalam pengilangan bateri Polymer Lithium Ion.



19 June / Jun 2000

Director-General of the Malaysian Highway Authority YBhg. Dato' Chua Soon Poh received continued support from the Gamuda Group for the charity 'Celebrity Run' held in conjunction with the Penang Bridge Run 2000.

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia YBhg. Dato' Chua Soon Poh menerima sokongan penuh daripada Kumpulan Gamuda untuk mengadakan 'Larian Selebriti' yang diadakan sempena Larian Jambatan Pulau Pinang 2000.



10 July / Julai 2000

Indian Minister of Surface Transport Mr. Rajnath Singh and delegation were briefed on Litrak's technologically advanced 'Intelligent Transport System'.

Menteri Pengangkutan Daratan India, Encik Rajnath Singh dan delegasi diberi taklimat mengenai kemajuan teknologi 'Sistem Pengangkutan Bestari' Litrak.



3 August / Ogos 2000

YAM Raja Dato' Seri Eleena Azlan Shah presented the annual Gamuda Scholarship Awards to a record 11 engineering scholars.

YAM Raja Dato' Seri Eleena Azlan Shah menyampaikan anugerah tahunan Biasiswa Gamuda kepada 11 mahasiswa kejuruteraan.



10 August / Ogos 2000

Kota Permai Golf & Country Club hosted the prestigious 2000 Volvo Masters Golf Tournament for the third consecutive year.

Kota Permai Golf & Country Club menjadi tuan rumah Pertandingan Volvo Golf Master 2000 untuk kali ketiga berturut-turut.



14 August / Ogos 2000

Litrak Chairman YBhg. Tan Sri Dato' Dr Ir Wan Abdul Rahman Wan Yaacob launched Litrak's inaugural Scholarship Awards programme.

Pengerusi Litrak YBhg. Tan Sri Dato' Dr Ir Wan Abdul Rahman Yaacob melancarkan program Anugerah Biasiswa Litrak Yang Pertama.



14 September 2000

Dyna Plastics signed an R&D collaboration agreement with Telcordia Technologies witnessed by the Minister of Science, Technology & the Environment, YB Dato Law Hieng Ding.

Dyna Plastics menandatangani perjanjian kerjasama R&D dengan Telcordia Technologies dengan disaksikan oleh Menteri Sains, Teknologi & Alam Sekitar, YB Dato Law Hieng Ding.



22 September 2000

Menteri Besar Selangor YAB Dato' Dr Mohamad Khir bin Toyo presented scholarship awards and new home lots to Orang Asli during 'Program Mesra Rakyat' at SSP3.

Menteri Besar Selangor YAB Dato' Dr Mohamad Khir bin Toyo menyampaikan biasiswa serta lot kediaman baru kepada Orang Asli semasa 'Program Mesra Rakyat' di SSP3.



5 October / Oktober 2000

Ministry of Works Parliamentary Secretary YB Dato' Yong Khoo Seng officiated SPRINT's 'Use the Pedestrian Bridge for Safety' campaign.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya YB Dato' Yong Khoo Seng merasmikan kempen 'Gunakan Jejambat Pejalan Kaki' yang dianjurkan oleh SPRINT.



17 November 2000

Litrak hosted the Nationwide Highway Safety Campaign Launch, officiated by Secretary General of the Ministry of Works YBhg. Dato' Megat Muhaiyadin bin Megat Hassan.

Litrak menjadi penganjur Kempen Keselamatan Lebuhraya Seluruh Negara yang dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya YBhg. Dato' Megat Muhaiyadin bin Megat Hassan.

